

Submission date:28 September 2023 Acceptance date:10 November 2023 Available online:31 Disember 2023

## KEPENTINGAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM PEMBANGUNAN JATI DIRI MANUSIA : TINJAUAN SOROTAN LITERATUR

### THE IMPORTANCE OF ISLAMIC PSYCHOSPIRITUAL IN HUMAN SELF- DEVELOPMENT: A LITERATURE REVIEW

\* <sup>1</sup>Nazirul Zainudin

<sup>1</sup>Pelajar, Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah dan Usuluddin,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

\*Corresponding Author: e-mail: [24mt09001@postgraduate.uis.edu.my](mailto:24mt09001@postgraduate.uis.edu.my)

DOI : <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.172>

#### ABSTRAK

Pembangunan jati diri manusia merupakan elemen penting dalam membentuk masyarakat yang lebih bertamadun. Indikator pembangunan jati diri seorang Muslim sejati bukan sekadar melihat kemajuan luaran semata-mata, namun mencakupi segala aspek fizikal dan spiritual. Falsafah pembangunan jati diri yang digariskan dalam Islam amat jelas bahawa manusia ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi ini seharusnya menjadikan komponen akhlak sebagai teras utama dalam kehidupan. Kefahaman teras akhlak sebagai prinsip utama dalam setiap tingkah laku boleh membolehkan seseorang Muslim itu menjalani kehidupan bahagia di dunia dan di akhirat kelak. Pembangunan jati diri seseorang Muslim melalui penerapan psikospiritual Islam merupakan suatu alternatif yang baik kerana ia mengandungi terapi dan langkah pemulihan yang holistik kepada akhlak seseorang manusia. Walaupun begitu, masih ramai umat Islam tidak dapat memahami dan menghayati kepentingan elemen psikospiritual Islam sebagai langkah dan pedoman untuk mengukuhkan nilai jati diri seorang Muslim. Oleh itu, penulisan artikel ini meneroka kepentingan psikospiritual Islam dalam pembangunan jati diri seseorang manusia. Kajian ini berbentuk kualitatif dan dapatan yang dikemukakan berasaskan dokumentasi menerusi analisis dokumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan penerapan elemen psikospiritual Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri manusia serta dapat membantu individu mencapai keseimbangan emosi, mental, dan spiritual, sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, konsep psikospiritual Islam juga memainkan peranan penting dalam pembentukan moral dan etika, membantu individu mengurus tekanan dan cabaran hidup, serta memperkukuh hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Pada akhirnya, kefahaman sebenar berkaitan prinsip psikospiritual Islam dan juga kepentingannya boleh dijadikan panduan kepada umat manusia untuk membendung diri dari terjebak perkara yang negatif.

**Kata kunci:** Psikospiritual, Islam, Pembangunan, Jati diri, Manusia

## ABSTRACT

*The development of human selfhood is a crucial element in forming a more civilized society. The indicators of the development of a true Muslim's selfhood are not limited to external progress alone but encompass all aspects of physical and spiritual well-being. The philosophy of self-development outlined in Islam clearly states that humans, as stewards on earth, should make moral values the core component of their lives. Understanding these core morals as the principal guideline in every behavior enables a Muslim to lead a happy life both in this world and the hereafter. The development of a Muslim's selfhood through the application of Islamic psychospiritual elements presents a beneficial alternative, offering holistic therapy and rehabilitation steps for individuals. However, many Muslims still struggle to understand and appreciate the psychospiritual approach of Islam as a method and guidance for strengthening their selfhood values. Thus, this article explores the importance of Islamic psychospirituality in the development of human selfhood. This qualitative study, based on document analysis, reveals that the integration of Islamic psychospiritual elements in daily life can help individuals achieve emotional, mental, and spiritual balance, thereby contributing to societal well-being. Additionally, the concept of Islamic psychospirituality plays a significant role in shaping moral and ethical standards, helping individuals manage stress and life challenges, and strengthening their relationship with Allah and fellow humans. Ultimately, a true understanding of Islamic psychospiritual principles and their importance can serve as a guide for humanity to avoid negative influences.*

**Keyword:** *Psychospiritual, Islam, Development, Identity, Human*

## PENGENALAN

Pembangunan jati diri manusia merupakan aspek penting dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera dan berdaya saing. Dalam konteks Islam, pembangunan jati diri tidak hanya berlandaskan pada aspek fizikal dan intelektual semata-mata, tetapi turut merangkumi dimensi psikospiritual (Mariam et. al. 2023). Psikospiritual Islam adalah konsep yang menggabungkan elemen psikologi dan spiritual yang berasaskan ajaran Islam untuk membina kesejahteraan individu secara menyeluruh.

Dalam menghadapi cabaran kehidupan moden yang serba kompleks dan mencabar, keperluan untuk memahami dan mengaplikasikan konsep psikospiritual dalam kehidupan seharian menjadi semakin mendesak. Psikospiritual Islam memberikan panduan yang holistik untuk mencapai keseimbangan emosi, mental, dan spiritual (Hasimah et. al. 2021). Bimbingan ini sangat penting bukan sahaja untuk kesejahteraan peribadi, tetapi juga untuk membentuk individu yang mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Selain itu, konsep psikospiritual Islam juga berperanan dalam membentuk moral dan etika individu. Melalui pemahaman yang mendalam tentang nilai-nilai Islam, seseorang individu dapat mengembangkan sifat-sifat terpuji seperti kejujuran, kesabaran, dan keikhlasan (Nor Dalilah & Raihanah, 2022). Aspek-aspek ini sangat penting dalam pembangunan jati diri kerana ia bukan sahaja memperbaiki hubungan individu dengan Allah, tetapi juga dengan sesama manusia.

Psikospiritual Islam membantu dalam menguruskan tekanan dan cabaran hidup melalui pendekatan yang berasaskan keimanan dan ketakwaan. Ajaran Islam yang menekankan kepentingan doa, zikir, dan ibadah sebagai sumber kekuatan spiritual dan mampu memberikan ketenangan dan kestabilan emosi (Mohammad Fahmi et. al., 2021). Ini sekaligus memperkukuhkan jati diri individu dalam menghadapi dugaan dan kesulitan hidup. Bertepatan dengan firman Allah di dalam surah Ar-Ra'd, ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

*Maksudnya : Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram.*

Penerapan elemen psikospiritual Islam juga boleh menghindarkan manusia terjebak dengan gejala sosial yang memberi kesan negatif terutama umat Islam. Penekanan yang penting perlu diberi kepada umat Islam berkaitan pembentukan jati diri Muslim dengan kefahaman Islam yang sebenar. Jati diri merupakan identiti seseorang yang mencerminkan sifat peribadi yang sebenar manusia tersebut. Konsep jati diri tidak ditafsir kepada fizikal dan peribadi zahir semata-mata, bahkan meliputi aspek dan nilai dalaman atau spiritual diri seseorang (Wan Muhamad, 2010).

Konsep psikospiritual Islam menyediakan kerangka yang komprehensif untuk pembangunan jati diri yang seimbang dan holistik. Dengan menerapkan prinsip-prinsip psikospiritual Islam dalam kehidupan, individu bukan sahaja dapat mencapai kesejahteraan diri tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan (Shahidah et. al. 2021).

Pembangunan jati diri manusia mampu memberi impak yang positif kepada kemajuan organisasi, masyarakat dan juga negara. Apabila sesebuah tamadun mempunyai penduduk yang mampu bertingkah laku dengan baik, suasana yang aman dan harmoni juga mampu dikecapi. Namun, pembangunan jati diri manusia menjadi tempang jika hanya melibatkan pembangunan fizikal semata-mata. Islam menyatakan bahawa seseorang Muslim yang mencapai darjat kemuliaan di sisi Allah s.w.t adalah mereka yang memperbaiki diri dari aspek spiritual dan juga fizikal (Zuraimy et. al., 2022).

Umat Islam hari ini memerlukan suatu landasan dalam membentuk jati diri bagi berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Serangan ideologi dan pemikiran Barat terhadap dunia Islam telah melemahkan keperibadian dan jati diri seorang Muslim (Siti Wahidah & Mohd Najib, 2020). Nilai Islam dan akhlak terpuji semakin terhakis kerana umat Islam mudah terpengaruh dan terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti hiburan melampau, pergaulan bebas, masalah seks bebas dan kes dadah yang semakin kritikal (Shahidah et. al., 2021).

Pendidikan dan bimbingan agama dalam diri menjadi keperluan asas kepada setiap individu bagi membentuk jati diri. Namun, dalam dunia semakin mencabar ini ramai individu sama ada di peringkat kanak-kanak, remaja, golongan dewasa mahu pun peringkat umur tua sudah tidak memandang berat berkaitan kepentingan penerapan nilai agama terutama ilmu dan terapi penyucian jiwa (Wan Abdul Fattah et. al., 2022). Apabila pendidikan agama dan penerapan terapi jiwa tidak diamalkan dalam kehidupan, maka tingkah laku yang ditonjolkan akan memberi impak negatif. Justeru itu, melalui penerapan kefahaman yang mantap berkaitan nilai agama terutama aspek ilmu psikospiritual Islam, perlakuan yang di zahirkan oleh setiap individu itu mampu memberi kesan yang baik kepada masyarakat, organisasi dan negara.

Di samping itu, pembangunan ekonomi, kemajuan teknologi maklumat dan perubahan globalisasi yang begitu pesat telah mendorong kepada perubahan sosial manusia. Umat Islam hari ini seolah-olah telah hilang arah dan tujuan apabila berdepan dengan dunia yang penuh fitnah dan gaya hidup yang jelas bertentangan dengan Islam (Nurul Izzaty et. al. 2019).

Islam tidak menolak akan kemajuan dan proses modenisasi, namun apa yang perlu difahami adalah bagaimana umat manusia menyesuaikan dan mengamalkan gaya hidup yang berlandaskan tuntutan syariat Islam. Walau bagaimanapun, penjajahan dan serangan ideologi Barat telah melemahkan umat Islam dari sudut pemikiran dan sistem pendidikan (Ismail, 2021). Situasi ini sekaligus mencetus polemik kepada nilai jati diri umat Islam untuk terus berpegang dan beramal dengan nilai Islam yang sebenar.

Dunia hari ini menyaksikan banyak isu yang menyentuh sensitiviti agama Islam. Hukum hakam dan tuntutan syariat seolah-olah dijadikan sebagai panduan yang tidak penting, bahkan yang lebih parah adalah umat Islam sendiri yang mempersendakan agama ini (Syajaratulhuda, 2024). Perkara sebegini bukan sekadar mencalarakan identiti diri sebagai seorang Muslim, namun ia berkait dengan perihal akidah dan keimanan. Apabila kemuliaan agama Islam sudah mula tidak dijaga oleh penganut agama itu, nescaya ruh Islam tidak akan tersebar sekaligus menjadikan manusia terus tenggelam dalam kesesatan. Situasi sebegini dibimbangi boleh menyebabkan tamadun umat Islam akan hilang jati diri dan entiti ketinggian Islam yang sebenar.

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang mempunyai keistimewaan berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain. Hal ini sedemikian kerana, manusia dianugerahkan dengan akal dan hati yang mendorong manusia untuk memilih jalan yang haq atau batil. Justeru itu, artikel ini mengemukakan lebih terperinci berkaitan kepentingan psikospiritual Islam terhadap pembangunan jati diri manusia terutama umat Islam. Apabila diteliti permasalahan yang timbul dalam kalangan umat Islam mengenai nilai jati diri, sudah pasti elemen psikospiritual Islam merupakan prinsip dan pegangan yang harus difahami serta diterapkan oleh setiap individu.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini adalah analisis kandungan menerusi daripada pelbagai sumber ilmiah yang berkaitan dengan konsep psikospiritual Islam dan kepentingannya dalam pembangunan jati diri manusia. Sumber-sumber ini termasuk jurnal akademik, buku rujukan, disertasi, dan artikel yang diterbitkan dalam lima tahun terkini. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan merujuk dapatan kajian terdahulu bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang topik yang dikaji. Rujukan kepada sumber sahih iaitu al-Quran dan hadis menguatkan lagi pembuktian terhadap elemen psikospiritual Islam dalam membangunkan jati diri manusia. Berdasarkan dalil-dalil yang dibahas oleh tokoh ilmuan Islam, dapatan dan perbincangan dalam penulisan ini menjadi lebih kukuh untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pembaca. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada bahan-bahan sekunder ini kemudiannya dinilai, disusun dan dibentangkan dalam penulisan ini bagi menerangkan konsep psikospiritual Islam serta kepentingannya terhadap pembangunan jati diri manusia.

Metode kualitatif digunakan oleh pengkaji dalam kajian ilmiah ini. Kajian ini dirancang dalam bentuk kualitatif untuk menjawab soalan-soalan kajian. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada analisis data yang tidak berbentuk angka. Metode dokumentasi juga digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat kajian ini, termasuk artikel serta dokumen yang terdapat di perpustakaan. Kajian kepustakaan dianggap penting dan utama dalam meneliti semua rujukan yang berkaitan dengan kajian ilmiah yang berkaitan elemen psikospiritual Islam.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Fokus perbincangan dalam penulisan ini adalah mengenalpasti berkaitan kepentingan konsep psikospiritual Islam terhadap pembangunan jati diri manusia. Melalui sorotan literatur yang dibuat, penulis merumuskan terdapat beberapa keperluan atau kepentingan aspek psikospiritual Islam terhadap pembangunan jati diri seperti dinyatakan dalam jadual 1.

Bil	Pengkaji	Tajuk	Tahun	Dapatan
1.	Intan Farhana & Siti Nabilah	Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja	2018	Ilmu psikospiritual Islam sangat penting dalam mewujudkan langkah intervensi yang bersifat holistik.
2.	Nurul Shuhadah & Mohd Manawi	Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko	2023	Penerapan psikospiritual Islam ini mampu menambah rasa mujahadah dan kepastian serta kepercayaan kepada diri untuk kembali kepada fitrah dan boleh mengelak daripada terjebak dengan perilaku bermasalah.
3.	Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani & Zahrul Akmal Damin	Kesan Hedonisme Kepada Generasi Muda: Kajian Kes di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh	2021	Ilmu psikospiritual Islam dalam proses pembangunan jati diri adalah sebagai asas utama dalam bidang motivasi.
4.	Sharifah Basirah Syed Muhsin, Che Zarrina Sa'ari & Mohd Manawi Mohd Akib	Penghayatan Konsep Maqamat dalam Membangunkan Spiritual Insan	2020	Pendekatan psikospiritual Islam menjadikan akidah dan tauhid sebagai landasan utama dalam membentuk insan soleh yang benar-benar bertakwa di sisi Allah S.W.T.

5.	Muhd Afiq & Mohd Syukri	Psikospiritual Islam Menurut Perspektif Maqasid Al-Syariah: Satu Sorotan Awal	2020	Prinsip psikospiritual Islam dengan konsep penjagaan agama dan juga nyawa sangat berkait rapat.
6.	Arena Che Kasim,	Pengurusan Psikospiritual Berdasarkan Pemikiran Al-Muhasibi	2021	Melalui prinsip psikospiritual Islam, ia merupakan usaha untuk mendapatkan penawar dan pendekatan yang terbaik bagi menyelesaikan krisis moral yang berlaku sekarang.
7.	Siti Aishah Hassan	Menangani Masalah Komuniti Pendekatan Psikospiritual, Kaedah E-Kaunseling dan Pelaksanaan Modul	2021	Keperluan psikospiritual Islam dalam pembentukan jati diri ini merupakan perkara yang mesti dimiliki dan diamalkan oleh semua manusia untuk memastikan pembangunan diri serta masyarakat yang sihat dan harmoni sekaligus membangun dengan segala bentuk pembangunan yang positif selari dengan syariat Allah s.w.t.



<p>Che Zarrina Sa'arii, Hasimah Chik, Che Zuhaida Saariiii, Sharifah Basirah Syed Muhsini, Nor Azah Abdul Aziz, Khairul Hamimah 8. Mohammad Jodivi, Abdul Salam bin Muhamad Shukrivii, Salmah Karmanviii ,Abdul Ghafar Bin Suripi &amp; Sheriza Izwa Zainuddin</p>	<p>Analisis Keperluan Pembangunan Manual Psikospiritual Islam Dalam Penjagaan Paliatif</p>	<p>2021</p>	<p>Elemen psikospiritual Islam telah banyak memberi kesan positif dalam menangani apa jua masalah berkaitan dengan pengendalian emosi, jiwa, spiritual dan psikologi.</p>
<p>9. Hasmiah Chik, Che Zarrina Sa'arii &amp; Loh Ee Chin.</p>	<p>Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif</p>	<p>2017</p>	<p>Melalui intervensi psikospiritual Islam ini secara tidak langsung mampu memberi penguat kepada pesakit terminal agar terus sabar dan reda dalam menghadapi dugaan penyakit yang dialami.</p>

Jadual 1: Kepentingan psikospiritual Islam terhadap pembangunan jati diri manusia

Penerapan elemen psikospiritual Islam dalam membentuk jati diri sebagai Muslim yang sejati merupakan solusi yang komprehensif kerana ia mencakupi segala aspek luaran dan juga dalaman. Pemahaman yang jelas berkaitan psikospiritual Islam perlu dihadap sebaik mungkin kerana ilmu psikospiritual Islam sangat penting dalam mewujudkan langkah intervensi yang bersifat holistik (Intan Farhana & Siti Nabilah, 2018). Hal ini kerana, kajian berkaitan kejiwaan dan kerohanian ini turut mengambil kira aspek emosi, spiritual dan psikologi manusia yang mengambil kira pandangan konvensional dan Islam.

Apabila meneliti semula konsep ilmu psikospiritual Islam serta terapi perawatan yang dianjurkan Islam, kaedah pencegahan melalui psikospiritual Islam ini mempunyai kekuatan dalaman yang tersendiri (Nurul Shuhadah & Mohd Manawi, 2023). Hasil pencegahan melalui penerapan psikospiritual Islam ini mampu menambah rasa mujahadah dan kepastian serta kepercayaan kepada diri untuk kembali kepada fitrah dan boleh mengelak daripada terjebak dengan perilaku bermasalah. Justeru itu, dengan pengaplikasian kaedah psikospiritual Islam ia mampu menghasilkan ketenangan rohani dalam jiwa serta mampu memberikan kesejahteraan fizikal yang boleh melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan.

Selain itu, kepentingan ilmu psikospiritual Islam dalam proses pembangunan jati diri adalah sebagai asas utama dalam bidang motivasi. Pendekatan ini mampu menyelesaikan kepincangan dan masalah yang melibatkan spiritual dan psikologi personaliti manusia bagi mencapai serta mengembalikan semula tujuan asal kehidupan manusia (Shahidah et. al., 2021). Hal ini sedemikian kerana, cara yang digunakan merupakan pendekatan praktikal atau amali secara berterusan yang boleh menjamin keberhasilan dalam pembentukan jati diri manusia seperti yang telah di tonjolkan oleh tokoh ilmuan dan ahli sufi.

Di samping itu, melalui penerapan psikospiritual Islam dalam menyelesaikan masalah kejiwaan dan juga fizikal, proses perawatan ini sangat penting dan wajar diketengahkan. Masalah hidup yang dihadapi oleh pelbagai lapisan kategori manusia boleh dibendung dengan cara yang betul khususnya dengan proses terapi Islam (Sharifah et. al., 2020). Proses rawatan yang dianjurkan ini sangat signifikan kerana ia melibatkan proses 'ubudiyah seorang hamba kepada Sang Pencipta. Hal ini bermaksud seorang individu itu akan menyerahkan diri dan kembali semula kepada jalan yang diredai.

Proses penyucian jiwa atau dalaman manusia dapat menghakis segala sifat mazmumah dan menanam serta menyuburkan sifat mahmudah dalam diri manusia. Ia memantapkan empat elemen spiritual iaitu al-qalb, al-nafs, al-'aql dan al-rūh. Pendekatan psikospiritual Islam menjadikan akidah dan tauhid sebagai landasan utama dalam membentuk insan soleh yang benar-benar bertakwa di sisi Allah S.W.T

Dalam konteks *maqasid al-syariah*, psikospiritual Islam dilihat mempunyai perkaitan yang sangat penting kepada penjagaan diri manusia. Berdasarkan pemeliharaan 5 *dharuriyyat* manusia, dapat dilihat hubungan di antara prinsip psikospiritual Islam dengan konsep penjagaan agama dan juga nyawa sangat berkait rapat (Muhd Afiq & Mohd Syukri, 2020). Hal ini sedemikian kerana dalam ilmu psikospiritual Islam menuntut manusia agar meletakkan asas aqidah dan keimanan sebagai tunjang utama dalam kehidupan. Melalui pegangan akidah dan iman yang utuh kepada Allah s.w.t, boleh disimpulkan bahawa manusia akan berada pada landasan kehidupan yang benar. Selain itu, individu yang memahami konsep sebenar psikospiritual Islam akan memberikan kehidupan yang bahagia dan tenteram. Apabila jiwa manusia sudah mula dihiasi dengan perkara *mahmudah* dan nilai positif, kualiti hidup yang dikecapi oleh seseorang itu akan membawa kepada gaya hidup yang lebih sihat. Secara kesimpulan, hubungkait antara psikospiritual Islam dengan penjagaan *dharuriyyat* manusia ini mampu memberikan rasa kebahagiaan (*al-sa'adah*) kepada manusia sekaligus akan menatijahkan secara zahiriah diri manusia itu berada dalam keadaan yang baik. Maka, apabila kesejahteraan hidup manusia berada pada tahap optimum, hasilnya adalah individu itu boleh membentuk keperibadian yang sejati.

Kepentingan pendidikan psikospiritual Islam kepada proses pembangunan jati diri manusia ini akan dilihat dari perspektif yang utama, iaitu perspektif Islam (Arena, 2021). Penekanan nilai Islam secara menyeluruh dalam kehidupan manusia memberi suatu pendekatan kepada pembangunan manusia yang sesuai dan selari dengan masyarakat kita. Ini mengambil kira masyarakat Muslim di negara kita, hingga pada tahap tertentu, sememangnya sudah dipengaruhi oleh gaya hidup Barat sekalipun mereka beragama Islam. Maka itu, adalah amat wajar diterokai perspektif Islam ini, dalam usaha untuk mendapatkan penawar dan pendekatan yang terbaik bagi menyelesaikan krisis moral yang berlaku sekarang.

Tidak dinafikan lagi bahawa keperluan psikospiritual Islam dalam pembentukan jati diri ini merupakan perkara yang mesti dimiliki dan diamalkan oleh semua manusia untuk memastikan pembangunan diri serta masyarakat yang sihat dan harmoni sekaligus membangun dengan segala bentuk pembangunan yang positif selari dengan syariat Allah SWT (Siti Aishah, 2021). Menurut Al-Muhasibi, konsep penyuburan dari sudut kerohanian seperti menanamkan sifat mahmudah dan menjauhi segala sifat mazmumah sangat penting untuk dihayati dan dipraktikkan. Sifat mahmudah ini boleh disemai dan disuburkan dengan memberikan pemahaman dan keyakinan yang sungguh-sungguh tentang al-wa'd, al-wa'id, al-khauf al-raja', muhasabat nafs, takwa, taat dan warak. Kewujudan sifat ini dalam diri setiap individu sudah pasti akan menjamin lahirnya manusia yang membangun dengan sempurna dan terpuji. Jelas sekali semua kaedah yang disusun atur dengan begitu baik oleh al-Muhasibi dapat membentuk jati diri yang sempurna sekiranya setiap apa yang disarankan oleh beliau dikaji, diteliti, di nilai dan dipraktikkan dengan baik. Setiap kaedah yang telah dikemukakan perlu digabungkan dengan baik agar masyarakat yang berkeperibadian tinggi dan unggul seperti yang diimpikan menjadi kenyataan.

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, hasil tinjauan kajian-kajian lepas menyatakan bahawa terdapat banyak kepentingan penerapan elemen psikospiritual Islam dalam pembentukan jati diri Muslim sejati. Penerapan ini menawarkan solusi komprehensif yang melibatkan aspek luaran dan dalaman manusia. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pemahaman yang mendalam mengenai psikospiritual Islam sangat penting untuk menghasilkan langkah intervensi holistik yang berkesan. Selari dengan kajian Che Zarrina (2021), bahawa elemen psikospiritual Islam memberi kesan positif dalam menangani masalah berkaitan dengan pengendalian emosi, jiwa, spiritual dan psikologi dalam penjagaan pesakit terminal. Penjagaan pesakit yang kronik memerlukan pengalaman dan ilmu yang cukup kerana golongan pesakit yang tiada harapan untuk sembuh ini berfikir bahawa kehidupan mereka sudah tiada guna lagi di dunia ini. Namun, melalui intervensi psikospiritual Islam ini secara tidak langsung mampu memberi penguat kepada pesakit terminal agar terus sabar dan reda dalam menghadapi dugaan penyakit yang dialami (Hasimah et. al. 2017). Justeru itu, elemen psikospiritual Islam penting untuk mendidik manusia untuk terus sabar, kuat dan tawakal apabila diuji dengan musibah atau apa jua ujian sekaligus menampakkan nilai jati diri sebagai seorang manusia yang berpegang kepada nilai agama.

Kesimpulannya, psikospiritual Islam adalah elemen penting dalam pembangunan jati diri yang harmoni dan positif, selari dengan syariat Allah S.W.T. Pendidikan dan penerapan psikospiritual Islam yang menyeluruh dapat membantu menyelesaikan krisis moral dan membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi. Pembangunan jati diri melalui amalan penyucian hati (*qalb*) menjadi asas perbincangan dalam ilmu psikospiritual Islam. Hal ini sedemikian kerana hati merupakan pendorong utama kepada manusia dalam setiap tingkah laku. Bertepatan dengan hadith:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

*Maksudnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).” [Riwayat al-Bukhari (52) dan Muslim (1599)]*

## KESIMPULAN

Islam menuntut umatnya agar sentiasa memperbaiki kualiti hidup agar mencapai matlamat yang paling utama iaitu keredaan Allah s.w.t. Artikel ini telah menghuraikan secara mendalam berkaitan kepentingan psikospiritual Islam terhadap pembangunan jati diri manusia. Jika disoroti semula, elemen psikospiritual Islam mampu menyediakan jalan dan solusi yang terbaik kepada umat manusia sekiranya mengalami masalah hidup terutama melibatkan kejiwaan. Justeru itu, konsep psikospiritual Islam ini sebenarnya amat sesuai difahami, diamalkan dan di terap oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengenal umur, bangsa mahupun batasan agama.

Dalam masa yang sama, elemen yang wujud dalam psikospiritual Islam ini terbukti boleh membangunkan jati diri manusia supaya berada pada tahap yang optimum. Melalui kefahaman yang utuh terhadap konsep psikospiritual Islam ini, individu yang mengamalkan rawatan, pemulihan dan pencegahan terhadap pelbagai masalah melibatkan luaran (fizikal) dan juga dalaman (spiritual) akan mampu mencapai kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Pada akhirnya, pembentukan jati diri hasil terapi spiritual Islam ini membuat manusia faham dan sedar bahawa proses penyucian diri ini bukan semata-mata bermatlamatkan duniawi tetapi lebih penting lagi ini merupakan satu jalan untuk manusia mendapatkan redaNya.

### **PENGHARGAAN**

Pengarang mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS) di atas sokongan dan kemudahan bagi menjalankan penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- Arena Che Kasim, (2021). *Pengurusan Psikospiritual Berdasarkan Pemikiran Al-Muhasibi*. Bangi. UKM Press.
- Che Zarrina Sa'arii, Hasimah Chik, Che Zuhaida Saariiii, Sharifah Basirah Syed Muhsini, Nor Azah Abdul Aziz, Khairul Hamimah Mohammad Jodivi, Abdul Salam bin Muhamad Shukrivii, Salmah Karmanviii, Abdul Ghafar Bin Suripi & Sheriza Izwa Zainuddin. (2021). Analisis Keperluan Pembangunan Manual Psikospiritual Islam Dalam Penjagaan Paliatif. *Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021*: 143-154.
- Hasmiah Chik, Che Zarrina Sa'arii & Loh Ee Chin. (2017). Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif. *Afkar Vol.19. No.2*.
- Hasimah binti Chik, Che Zarrina binti Sa'ari, Sharifah Basirah binti Syed Muhsin & Sheriza Izwa binti Zainuddin. (2022). Pendekatan Holistik Menurut Psikospiritual Islam dalam Mendepani Cabaran COVID-19. *Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam 2021*: 42-54.
- Ismail Ibrahim. (2021, Februari 22). Cabaran pengaruh pemikiran Barat. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 22 Februari 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/125062/khas/pendapat/cabaran-pengaruh-pemikiran-barat>
- Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*. 417-422.

- Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Haridi, Noraini Mohamad, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2023). Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis. *Hadith and Aqidah Research Institute (INHAD)*: 38-50.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Norhana Ahad, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Farhan Md Ariffin & Izzah Nur Aida Zur Raffar. (2021). Pendekatan Zikir Al-Munfarid Dalam Menangani Tekanan Ketika Pandemi Covid-19. *Hikmah* 13(1) 2021: 21-42.
- Muhd Afiq & Mohd Syukri, (2020). Psikospiritual Islam Menurut Perspektif Maqasid Al-Syariah: Satu Sorotan Awal. Conference: Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam (SAKI) 2020At: Negeri Sembilan, Malaysia. 223-232.
- Nurul Izzaty Nor Jefri, Shaharin, Nuraisyah Syakirin & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). “Media So-sial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), Prosiding Sem-inar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 157-176.
- Nurul Shuhadah Md Yahya, and Mohd Manawi Mohd Akib. (2023). Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko. *Journal Al-Turath ; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8 (2). pp. 1-11. ISSN 0128-0899.
- Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari. (2022). Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan Dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. *AR-RĀ’IQ* 5(1):20-74.
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2022). Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 601-615.
- Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani & Zahrul Akmal Damin. (2021). Kesan Hedonisme Kepada Generasi Muda: Kajian Kes di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Pagoh. *Journal of Sciences and Humanities*. Vol 18. No.2 (2021). 98-108. ISSN: 1823-884x
- Shahidah, Sharifah Basirah & Mohd Syukri, (2021). Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi. *Afkar* Vol. 23 Issue 2 (2021): 405-444.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin, Che Zarrina Sa’ari & Mohd Manawi Mohd Akib. (2020). Penghayatan Konsep Maqamat dalam Membangunkan Spiritual Insan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam*. (250-264).
- Siti Aishah Hassan. (2021). Menangani Masalah Komuniti Pendekatan Psikospiritual, Kaedah E-Kaunseling dan Pelaksanaan Modul. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Siti Wahidah Mustapa & Muhd Najib Abdul Kadir. (2020). Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal. *Jurnal Al-Ummah* 2 (2020M/1442H): 1-16.
- Syajaratulhuda Mohd Rosli. (2024, Februari 18). Persenda Islam Secara Terbuka, Umat Islam Hilang Jati Diri – Mufti. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 18 Februari 2024. <https://www.sinarharian.com.my/article/650163/berita/nasional/persenda-islam-secara-terbuka-umat-islam-hilang-jati-diri---mufti>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 26. No. 2. (2022): 47-61.
- Zuraimy Ali, Azhar Abdul Rahman, Noraini Ismail & Nadiyah Hashim. (2022). Etika Islam Dalam Membina Peradaban Manusia Yang Cemerlang. *Jurnal Pengajian Islam*, Bilangan 15, Special Issue, Multi Disiplin Ilmu Dalam Pengajian islam, Halaman 168-179.